

Syed Hamid nafi diejek ahli UMNO

BAH
UM -
21/7/06

PUTRAJAYA 20 Julai - Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar menafikan beliau 'diboo' ahli-ahli UMNO dalam sesi penerangan yang pernah dihadiri bagi menjelaskan mengenai isu-isu semasa termasuk keputusan kerajaan membatalkan projek jambatan bengkok.

Kata Syed Hamid, pihaknya tidak pasti mengenai perkara itu tetapi selepas memberikan ceramah ada pihak tertentu melaporkan dalam laman web bahawa beliau 'diboo' ahli UMNO.

"Saya tidak pernah kena 'boo', saya tak tahu walaupun baru-baru ini saya pergi ke Selangor, ia berjalan baik dan saya berinteraksi dengan baik (tetapi) selepas itu saya lihat dalam Internet kata saya kena 'boo'.

"Saya tidak tahu siapa yang menyediakan maklumat sedemikian dan saya tanya kepada semua pegawai kementerian yang hadir adakah saya kena 'boo', saya diberikan banyak tepukan tetapi kena 'boo' tidak ada," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis menyerahkan watakah pelantikan Wakil Tetap Malaysia ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Vienna, Austria, Ambassador Mohd. Arshad Manzoor Hussain di Wisma Putra di sini hari ini.

Syed Hamid yang juga Ahli Majlis Tertinggi UMNO mengulas mengenai maklum balas ahli-ahli UMNO berkenaan siri penjelasan yang dilakukan oleh pemimpin kerajaan dan parti berhubung beberapa isu kontroversi seperti keputusan kerajaan membatalkan projek jambatan bengkok.